

Pengekalan dan Peralihan Dialek di Baling, Kedah: Kajian GIS

Dialect Maintenance and Shift in Baling, Kedah: GIS Study

SITI NUR IZZATY SALIT, HARISHON RADZI & SITI NORAINI HAMZAH

ABSTRAK

Bahasa merupakan sesuatu yang boleh berubah-ubah kerana digunakan oleh masyarakatnya mengikut keperluan dan peredaran masa. Perubahan bahasa perlu dipantau oleh pengguna bahasa yang memainkan peranan penting dalam aspek kekal atau beralihnya sesebuah bahasa itu. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji varian bunyi dan leksikal bagi /cantik/ dan /comot/ untuk memperlihatkan fenomena pengekalan dan peralihan bahasa dalam dialek Baling, Kedah dengan berbantuan perisian Geographical Information System (GIS). Kajian ini merupakan sebuah kajian lapangan yang menggunakan kaedah kualitatif dalam mengumpul, mengolah dan menganalisis data. Kajian turut menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual tidak berstruktur bagi mendapatkan data primer daripada responden. Seramai 100 orang responden telah disaring dan dipilih untuk sesi temu bual. Kawasan kajian meliputi lapan mukim dengan 16 kampung di daerah Baling. Data dianalisis secara huraian deskriptif peratusan dan menggunakan perisian GIS. Hasil kajian menemukan beberapa varian bagi /cantik/ seperti [mole?], [lawa], [lawə], [tʃante?], [sega?], [dʒaŋɔ?] dan [ʃome] manakala varian bagi leksikal /comot/ seperti [bələmoç], [kotɔ], [koto?], [bələmoh], [damuh], [bələmuç], [bəloteŋ] dan [tʃomo?]. Melalui dapatan kajian, satu rumusan dapat dilakukan, iaitu generasi muda telah beralih dialeknya kepada dialek-dialek lain di samping berlakunya peralihan dialek kepada bahasa Melayu standard dalam beberapa leksikal yang dikaji. Berbeza pula dengan generasi tua yang dilihat masih mengekalkan dialek seperti yang ditunjukkan dalam varian leksikal kajian. Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan faktor bukan linguistik yang menjadi pelengkap kepada fenomena kekal atau beralihnya sesuatu dialek itu di sesebuah kawasan, khususnya di Baling, Kedah.

Kata kunci: Pengekalan bahasa; peralihan bahasa; geolinguistik; kata adjektif; dialek Kedah

ABSTRACT

Language is something that can always change due to the use of society according to the needs and the passage of time. Language change needs to be monitored by the language users, who play an important role in the maintenance and the shift of the language itself. This research aims to study sound and lexical variants for /cantik/ and /comot/ to show the phenomenon of language maintenance and shift in Baling's dialect, Kedah with the assistance of Geographic Information System (GIS) software. This research is fieldwork research that uses qualitative methods in collecting, amending, and analyzing data. This research also uses questionnaires and unstructured interviews to obtain primary data from respondents. A total of 100 respondents were screened and selected for the interview session. This research covered eight districts with 16 villages in Baling, Kedah. The data is analyzed using descriptive percentage and GIS software. The research findings indicate that variants for /cantik/ are [mole?], [lawa], [lawə], [tʃante?], [sega?], [dʒaŋɔ?] and [ʃome] while variants for /comot/ are [bələmoç], [kotɔ], [koto?], [bələmoh], [damuh], [bələmuç], [bəloteŋ] and [tʃomo?]. Based on the research findings, it can be summarized that the younger generation has shifted from their dialect to other dialects, as well as to standard Malay in some of the lexical items studied. In contrast, the older generation seems to still maintain the dialect as shown in the lexical variant of the study. These findings are strengthened by non-linguistic factors that complement the phenomenon of maintaining or shifting dialects in an area, especially in Baling, Kedah.

Keywords: language maintenance; language shift; geolinguistics; adjectives; Kedah's dialect

PENGENALAN

Bahasa merupakan satu sistem yang kompleks dan unik kepada manusia. Bahasa mempunyai beberapa ciri termasuklah bersifat dinamik kerana boleh mengalami pembaharuan dan kemajuan apabila digunakan. Bahasa yang tidak digunakan berisiko untuk mengalami kepupusan seterusnya menjadi bahasa yang mati. Perkara ini dipersetujui oleh Suhaimi (2017) yang mengatakan bahasa boleh tenggelam atau mati seperti adat dan tradisi sekiranya tidak diamalkan secara berterusan. Pembaharuan bahasa tidak perlu dikhuatiri kerana tidak berlaku dalam skala yang besar namun masih perlu dipantau agar keaslian bahasa itu masih kekal terjaga. Pengguna bahasa memainkan peranan penting di dalam aspek kekalnya atau beralihnya sesebuah bahasa itu.

Fenomena pengekalan bahasa berlaku apabila sesuatu masyarakat minoriti menggunakan bahasa natif mereka di sesebuah kawasan yang didiami oleh penutur bahasa lain. Smolicz (1992) menjelaskan pengekalan bahasa merupakan istilah yang digunakan untuk menggambarkan keadaan yang melibatkan penutur, sekumpulan penutur atau masyarakat yang terus menggunakan bahasa ibunda dalam beberapa atau semua aspek kehidupan walaupun terdapat persaingan daripada bahasa dominan atau kumpulan majoriti. Menurut Sa'adiah (2014), pengekalan sesuatu bahasa dalam sesebuah masyarakat bergantung kepada sejauh mana masyarakat bahasa itu menggunakan bahasa mereka, khususnya dalam masyarakat mereka sendiri. Bagaimanapun, pengekalan bahasa lebih banyak tertumpu pada usaha pemeliharaan bahasa asli yang menjadi bahasa minoriti di kawasan tertentu (Mohammad Fadzeli et al. 2011).

Sementara itu, peralihan bahasa merujuk kepada kehilangan kecekapan berbahasa secara perlahan-lahan dalam kalangan penutur natif sesuatu bahasa itu (Teo 2000). Tidak cekap dalam menggunakan bahasa juga boleh berlaku dalam dialek yang merupakan sebahagian daripada bahasa. Hal ini selari dengan pendapat Siti Noraini et al. (2014) yang menyatakan bahawa gejala kepupusan bahasa atau dialek boleh berlaku apabila para penutur natif menjadi kurang cekap atau tidak mahir langsung menggunakan sesuatu bahasa atau dialek tersebut. Perkara yang sama turut diperkatakan oleh Asmah (1982), David (1996), Nor Hisham (1999) dan Roksana Bibi (2002), iaitu peralihan bahasa merupakan tanda-tanda yang mendahului kepupusan

bahasa. Bukan itu sahaja, kebanyakan dialek yang dituturkan oleh warga tua sudah tidak kedengaran diguna pakai oleh remaja mahupun kanak-kanak (Teo 2000).

Pengekalan dan peralihan bahasa itu wujud akibat daripada beberapa faktor, antaranya faktor penjajahan negara atau negeri, lokasi atau kawasan petempatan sesuatu kumpulan masyarakat, bentuk muka bumi, ekonomi, politik, sosial, perkahwinan campur dan sikap penutur sendiri (Teo 2000). Pengekalan dan peralihan bahasa biasanya sering dikaitkan dengan pemilihan bahasa. Bahasa yang dipilih oleh pengguna bahasa apabila berkomunikasi akan menentukan sama ada sesebuah bahasa itu dikenalkan atau telah beralih kepada bahasa yang lain. Perkara ini diakui oleh Mohammad Fadzeli et al. (2015) yang berpendapat bahawa situasi kewujudan pengekalan dan peralihan bahasa merupakan keputusan komuniti untuk terus menggunakan bahasa sedia ada, dan pada masa yang sama menggantikan bahasa sedia ada dengan bahasa baharu.

Kajian ini merupakan sebuah penyelidikan lapangan di daerah Baling, Kedah yang berunsurkan geolinguistik dengan mengaplikasikan perisian GIS. Kajian ini memfokuskan kepada pengenalpastian varian leksikal adjektif yang mengalami fenomena pengekalan dan peralihan dialek di kawasan kajian selain pemetaan isoglos dan koroplet berdasarkan fenomena tersebut menggunakan perisian GIS dan penguraian aspek linguistik serta aspek bukan linguistik terhadap varian leksikal adjektif di kawasan kajian.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian-kajian lepas mengenai fenomena pengekalan dan peralihan bahasa telah banyak dijalankan menerusi kajian tekstual mahupun kerja lapangan, di Malaysia mahupun di luar negara. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan fenomena tersebut tidak sekadar terbatas dalam konteks bahasa sahaja, malahan turut dibincangkan dalam konteks dialek. Kajian-kajian lepas kebanyakannya membincangkan faktor pengekalan dan peralihan bahasa yang disebabkan oleh faktor sosial termasuklah usia, pengaruh budaya, sikap penutur dan perkahwinan. Misalnya dalam kajian yang dilakukan oleh Muhammad Khairuddin dan Siti Noraini (2023), Hayati et al. (2023), Saidatul Nornis et al. (2022), Hayati et al. (2020), Noraisikin et al. (2020), Adib Zakwan Al-Qayyum dan Mardian

Shah (2020) serta NORAISIKIN et al. (2019). Terdapat juga sebahagian kajian yang membincangkan faktor di sebalik fenomena pengekalan dan peralihan bahasa ini merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial. Hal ini dapat dilihat melalui kajian Aishah (2021), Berawati et al. (2020), Mohammad Fadzeli et al. (2015) dan Sa'adiah (2014). Di sebalik itu, hanya sebilangan kecil sahaja membahaskan faktor geografi sebagai salah satu faktor berlakunya pengekalan dan peralihan bahasa. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Dilah et al. (2021) dan Selvajothi (2017). Oleh yang demikian, kajian ini memperincikan faktor penyebab pengekalan dan peralihan dialek di Baling, Kedah secara keseluruhan meliputi faktor politik, ekonomi, sosial dan geografi.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian dialek telah bermula pada lewat abad ke-18 oleh ahli linguistik German, iaitu Georg Wenker. Kajian-kajian dialek tradisional lebih cenderung menjalankan kajian berdasarkan aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Kajian ini pula melakukan inovasi dalam penyebaran dialek menggunakan perisian GIS tanpa mengabaikan aspek linguistik dan aspek bukan linguistik.

Kajian dialek umum merupakan kajian yang membincangkan dialek secara menyeluruh dan bersifat penjelasan umum. Kajian-kajian dialek seperti Asmah (1985), Ismail (1973) dan Ismail (1997) terletak dalam kategori ini. Bagi kajian yang dilakukan oleh Ajid (1985), Collins (1989, 1996) dan Ruslan (2011) pula telah dikelompokkan sebagai kajian dialek geografi kerana kajian-kajian ini lebih tertumpu kepada sesuatu kawasan atau bersifat sebagai dialek setempat. Sebagai contoh, Ajid (1985) mengkaji jajahan Pasir Mas di Kelantan. Namun begitu, kajian-kajian dialek umum dan dialek geografi yang dilakukan pengkaji lepas dilihat menggunakan kaedah yang agak lama untuk membentuk isoglos dialek. Kaedah lorekan dan bercirikan impresionistik banyak digunakan dalam kajian lepas misalnya dalam kajian Collins (1989, 1996) dan kajian Rohani (2003). Perkara ini dapat diatasi menerusi kewujudan kajian dialek menggunakan perisian GIS.

Penggunaan perisian GIS dalam kajian ini dilihat mampu memberikan satu sisi yang lebih baik dalam dunia kajian dialek apabila pengkaji percaya bahawa GIS mampu memetakan isoglos dengan lebih efektif. GIS yang menggunakan teknologi baru serta alatan

yang digunakan juga mampu memberikan koordinat titik tempat yang tepat. Teknologi GIS ini juga lebih meyakinkan kerana mengandungi ciri-ciri yang lebih terperinci dan jitu. Kejayaan perisian GIS dalam menghuraikan fenomena bahasa dapat dibuktikan melalui kajian Yamashita (2011) yang melihat aspek kesantunan berbahasa penutur dialek Jepun serta kajian Teerarajanarat dan Tingsabadh (2011a, 2011b) yang menjelaskan peralihan dialek di Thailand. Hal yang sama turut dilakukan oleh pengkaji tempatan seperti Siti Noraini et al. (2014), Harishon et al. (2014), Nor Hashimah et al. (2020), Nor Hashimah et al. (2021), Adriana Santa et al. (2021), Khairul Ashraaf et al. (2022), Junaini et al. (2023). Pengkaji-pengkaji ini masing-masing menjelaskan fenomena peralihan dialek di Perak Utara, penyebaran variasi dialek Perak Utara, kerencaman dialek di Johor, pengaruh dialek Terengganu di wilayah Pantai Timur Malaysia, penyebaran dialek Melayu Siam di Thailand, perubahan dialek Hilir Pahang selepas 50 tahun dan perkaitan kata emosi dengan persekitaran geografi di Pulau Langkawi. Oleh yang demikian, pengkaji turut memilih hala tuju yang sama dalam kajian ini, iaitu mengetengahkan perisian GIS dalam merungkaikan fenomena bahasa, khususnya fenomena pengekalan dan peralihan dialek di Baling, Kedah serta membincangkan faktor geografi dan faktor-faktor lain sebagai faktor bukan linguistik yang mempengaruhi fenomena tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang mengangkat kajian lapangan sebagai sumber data utama. Tiga kaedah utama telah dilakukan dalam pengumpulan data, iaitu kaedah perolehan data, kaedah pengolahan data dan kaedah penganalisisan data. Proses perolehan data dilakukan menerusi kajian lapangan yang mempraktikkan kaedah soal selidik dan temu bual. Sebanyak 16 kampung mewakili setiap mukim yang terdapat dalam daerah Baling telah dipilih sebagai kawasan kajian dengan 100 orang responden. Perincian jumlah responden untuk setiap kampung ialah enam ke tujuh orang. Perkara ini bertepatan dengan pendapat Creswell (2013), iaitu kajian fenomenologi melibatkan subjek dalam lingkungan tiga ke sepuluh orang. Responden tidak dihadkan kepada sesuatu jantina dan tidak mengira sebarang latar belakang pendidikan, namun faktor umur menjadi syarat utama pemilihan responden berikutnya kajian ini berfokus kepada fenomena pengekalan dan

peralihan dialek. Oleh itu, responden yang berusia 15-25 tahun (remaja) dan yang berusia 56 tahun dan ke atas (warga tua) dipilih bagi menunjukkan dua generasi berbeza. Pengkategorian umur dilakukan berdasarkan sumber maklumat seperti Saparinah (1983), Depkes RI (2009) dan WHO atau ‘World Health Organization’ (2016). Kata adjektif dipilih sebagai data kajian kerana fungsinya sebagai kata penerang untuk kata nama di samping kata adjektif merupakan satu-satunya golongan kata yang dapat digunakan untuk menyatakan darjah perbandingan, iaitu darjah biasa, darjah bandingan dan darjah penghabisan (Tatabahasa Dewan 2010). Kata adjektif mampu menonjolkan data varian dialek

yang unik menerusi kajian ini. Bukan itu sahaja, kata adjektif /cantik/ dan /comot/ dijadikan data kajian kerana menghasilkan variasi yang banyak, iaitu melebihi lima variasi. Hal ini disokong oleh pernyataan Fazal Mohamed & Noriati (2017), iaitu variasi yang banyak membuktikan leksikal tersebut kerap digunakan serta penggunaannya lebih meluas.

Setelah data dikumpulkan menerusi kaedah soal selidik dan temu bual, data-data ini menjalani proses pengolahan data. Data-data dimasukkan dalam *Microsoft Excel* yang memaparkan variasi leksikal adjektif dipertuturkan oleh penutur natif di Baling. Contoh data yang dimasukkan dalam *Microsoft Excel* boleh dilihat melalui Rajah 1.

VARIAN LEKSIKAL /CANTIK/ DAERAH BALING								
BIL	MUKIM	KAMPUNG	KOD RESP	L1	L2	L3	L4	L5
				[mole?]	[lawə]	[dʒaŋɔ?]	[lawa]	[tʃante?]
1	SIONG	Kg. Lalang	R01		[lawə]			
			R02	[mole?]	[lawə]			
			R03				[lawa]	
			WT01	[mole?]		[dʒaŋɔ?]		[tʃante?]
			WT02	[mole?]	[lawə]			
			WT03	[mole?]				
1		Kg. Seri Ketengga	R01				[lawa]	
			R02		[lawə]			
			R03			[dʒaŋɔ?]	[lawa]	
			WT01	[mole?]	[lawə]			
			WT02	[mole?]				
			WT03	[mole?]		[dʒaŋɔ?]		

RAJAH 1. Data dalam Microsoft Excel

Seterusnya, proses penganalisisan data melibatkan perisian GIS sebagai perisian pemetaan dialek. Perisian GIS turut digunakan bagi menjawab persoalan berkaitan faktor geografi yang membawa kepada pembentukan variasi leksikal adjektif dalam dialek Melayu Kedah di Baling. Antara teknik yang digunakan dalam kajian ini ialah teknik *choropleth* dan teknik *interpolation* atau *IDW*. Menurut Siti Noraini (2017), teknik *interpolation* atau *IDW* digunakan untuk menghasilkan peta isoglos bagi leksikal dialek manakala *choropleth* pula digunakan bagi memaparkan peta taburan varian leksikal. *Choropleth* merupakan penggambaran data berupa warna yang bertingkat atau kerapatan garis yang berbeza dan juga penggunaan simbol-simbol berbeza

(Siti Noraini 2017). Dalam kajian ini, data varian leksikal yang diwakili oleh kampung-kampung di Baling telah dimasukkan dan diaplikasikan ke dalam perisian GIS ini.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan data yang telah dikumpulkan, terdapat sejumlah tujuh varian bunyi dan leksikal bagi /cantik/ dalam lapan mukim di Baling. Bagi penutur di mukim Siong, terdapat lima variasi /cantik/, iaitu [mole?], [lawa], [lawə], [tʃante?] dan [dʒaŋɔ?]. Varian [mole?], [lawa], [lawə], [dʒaŋɔ?] dan [tʃome] pula telah ditemukan di mukim Bongor manakala penutur di mukim Baling menggunakan

lima varian /cantik/, iaitu [mole?], [lawa], [lawə], [tʃante?] dan [sega?]. Bagi penutur-penutur di mukim Pulai, Kupang, Tawar dan Bakai masing-masing menggunakan empat varian /cantik/, iaitu [lawa], [lawə], [sega?] dan [tʃome] di Pulai,

[mole?], [lawa], [tʃante?] dan [sega?] di Kupang, [mole?], [lawa], [lawə] dan [tʃante?] di Tawar, dan [mole?], [lawa], [lawə] dan [sega?] di Bakai. Di mukim Teloi Kanan, hanya terdapat satu varian /cantik/ sahaja ditemukan, iaitu [mole?].

JADUAL 1. Penggunaan Varian Bunyi dan Leksikal /cantik/ di Baling

Mukim	Bil.							
	Variasi	mole?	lawa	lawə	tʃante?	sega?	dʒanjə?	tʃome
Siong	5	/	/	/	/		/	
Bongor	5	/	/	/			/	/
Baling	5	/	/	/	/	/		
Pulai	4		/	/			/	
Kupang	4	/	/			/	/	
Tawar	4	/	/	/	/	/		
Bakai	4	/	/	/			/	
Teloi Kanan	1	/						
JUMLAH		7	7	6	4	4	2	2

Seterusnya, terdapat lapan varian bagi /comot/ di mukim-mukim dalam Baling. Hal ini dapat dilihat melalui Jadual 2. Dalam mukim Siong, ditemukan lima variasi, iaitu [bələmoç], [koto?], [damuh], [bəlotej] dan [tʃomo?]. Penutur-penutur di mukim Tawar dan Bakai masing-masing menggunakan empat varian /comot/, iaitu [bələmoç], [koto?], [damuh] dan [bələmuç] di Tawar dan [bələmoç],

[koto?], [koto] dan [bələmoh] di Bakai. Tiga varian bagi /comot/ seperti [bələmoç], [bələmoh] dan [damuh] di Bongor, varian [bələmoç], [koto] dan [bələmuç] di Baling dan [bələmoç], [koto?] dan [bələmoh] di Teloi Kanan telah ditemukan. Varian [bələmoç] dan [koto?] serta varian [bələmoç] dan [bələmuç] masing-masing digunakan oleh penutur di mukim Pulai dan Kupang.

JADUAL 2. Penggunaan Varian Bunyi dan Leksikal /comot/ di Baling

Mukim	Bil.									
	Variasi	bələmoç	koto?	koto	bələmoh	damuh	bəlemuç	bəlotej	tʃomo?	
Siong	6	/	/	/	/	/		/	/	/
Bongor	3	/			/	/				
Baling	3	/	/					/		
Pulai	2	/	/							
Kupang	2	/						/		
Tawar	4	/	/				/		/	
Bakai	4	/	/	/	/	/				
Teloi Kanan	3	/		/	/	/				
JUMLAH		8	5	3	4	3	3	1	1	

VARIASI /CANTIK/

Terdapat tujuh varian bunyi dan leksikal bagi /cantik/ yang diuraikan aspek linguistiknya dalam bahagian ini.

1. Varian [mole?]

Varian [mole?] merupakan varian yang terdapat dalam dialek Melayu Patani (Ruslan 2011) dan dialek Kelantan (Ajid 1985). Menurut Ruslan

(2011), dialek Melayu Patani dan dialek Melayu Kelantan mempunyai hubungan yang erat dan persamaan di antara kedua-dua dialek ini. Perkara ini membuktikan kewujudan dialek Melayu Patani di Baling. Hal ini turut disahkan oleh Asmah (2008) yang mengatakan bahawa loghat Petani menempati kawasan dalam negeri Kedah, iaitu di Baling. Varian ini mendominasi mukim-mukim di Baling kecuali mukim Pulai.

2. Varian [lawa]

Varian bunyi [lawa] menunjukkan ciri asli dialek Melayu Kedah. Penggunaan varian bunyi ini sangat dominan di kampung-kampung dalam daerah Baling kecuali mukim Teloi Kanan. Hal ini kerana kedudukan kampung di mukim Teloi Kanan sangat berdekatan dengan daerah Sik. Menurut Asmah

(2008), vokal /a/ di akhir kata dalam ejaan diucapkan sebagai “a” dalam dialek Kedah sama seperti bahasa Melayu standard.

3. Varian [lawə]

Varian bunyi [lawə] merupakan salah satu variasi daripada leksikal /lawa/. Varian [lawə] ini datangnya daripada dialek Pulau Pinang. Perkara ini disahkan oleh Asmah (2008) yang menyatakan bahawa kewujudan vokal /a/ sebelum kesenyapan ialah vokal belakang yang dalam pengucapannya bibir membundar, iaitu vokal /ɔ/. Dialek Pulau Pinang masih berada dalam ruang lingkup dialek utara, jadi varian ini dianggap sebagai varian dialek Kedah. Vokal /a/ di akhir kata telah mengalami proses pembundaran vokal dan menjadi vokal /ɔ/. Rumus fonologinya dapat dilihat menerusi:

1. Rumus pembundaran vokal : a → ɔ/ ___#

Input	: /lawa/
Rumus Pembundaran Vokal	: lawə
Output	: [lawə]

4. Varian [tʃante?]

Varian [tʃante?] merupakan leksikal dan bunyi yang standard dalam bahasa Melayu seperti yang terdapat dalam Kamus Dewan (2005). Tiada sebarang perubahan bunyi yang dapat dikesan daripada varian ini justeru, tiada sebarang rumus boleh dilakukan. Varian [tʃante?] ini ditemukan di mukim Siong, Baling, Kupang dan Tawar. Mukim Baling dan Tawar terletak di tengah-tengah daerah Baling yang mana boleh mempengaruhi sebutan [tʃante?] ini. Varian ini juga boleh dipengaruhi oleh faktor pendidikan yang menyebabkan penutur menyebut varian [tʃante?] ini. Perkara ini disokong dengan pernyataan Harishon (2017) yang menyatakan bahawa sistem pendidikan secara rasminya meletakkan bahasa Melayu Standard sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah dan sekolah menengah.

6. Varian [sega?]

Varian ini mempunyai keselarasan konsonan di akhir kata. Hal ini disokong oleh Asmah (2008) yang mengatakan konsonan plosif seperti /k/ tidak

menempati lingkungan akhir kata dan ia digantikan dengan hentian glotis /ʔ/ dalam dialek Baling. Varian ini hadir di dalam mukim Baling, Pulai, Kupang dan Bakai. Keempat-empat mukim ini terletak di tengah-tengah daerah Baling.

6. Varian [dʒaŋə?]

Varian ini tersenarai sebagai varian dalam dialek Melayu Kelantan (Nik Safiah & Rozita 2016). Selain itu, varian ini turut dikemukakan dalam dialek Melayu Terengganu oleh Sharif pada tahun 2013. Dialek-dialek ini sememangnya sinonim dengan dialek Melayu Patani. Varian ini terdapat di mukim Siong dan Bongor. Kedua-dua mukim ini merupakan kawasan yang berdekatan dengan sempadan daerah Sik.

7. Varian [tʃome]

Asmah (2008) telah meletakkan varian ini sebagai salah satu leksikal dalam glosari dialek Kedah. Varian ini juga terdapat dalam dialek Melayu Kelantan (Ajid 1985). Kewujudannya dalam dialek Melayu Kelantan menerangkan hubung kaitnya

dengan pengaruh dialek Melayu Patani kerana umum mengetahui bahawa dialek Melayu Patani berasal daripada dialek Melayu Kelantan (Ruslan 2011).

VARIASI /COMOT/

Di daerah Baling, terdapat lapan variasi untuk /comot/ yang dibincangkan dalam bahagian ini seperti [bələmoç], [bələmuç], [bələmoh], [bəloteñ], [kotɔ], [kotɔ?], [damuh] dan [tʃomo?].

1. Varian [bələmoç]

Varian ini merupakan varian yang standard dalam dialek Melayu Kedah sebagai mana yang

diperakuan dalam laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka. Varian ini ditemukan di semua mukim di Baling dan ia menandakan bahawa semua penutur dialek di Baling menggunakan varian ini dalam bahasa sehari-hari mereka.

2. Varian [bələmuç]

Varian ini salah satu variasi yang datang daripada perkataan [bələmoç] sebagai perkataan asalnya. Hanya vokal di akhir kata sahaja yang berubah. Perkara ini turut dijelaskan oleh Asmah (2008), iaitu dalam beberapa subdialek di Kedah, vokal /o/ mempunyai kesejajaran dengan vokal /o/ sendiri ataupun vokal /u/. Rumus fonologinya dapat dilihat menerusi:

1. Rumus peninggian vokal : o → u/ __ K#

Input	: /bələmoç/
Rumus Peninggian Vokal	: bələmuç
Output	: [bələmuç]

3. Varian [bələmoh]

Varian [bələmoh] ini mempunyai pengaruh dialek Patani dan dialek Kelantan apabila mengikuti syarat dalam kedua-dua dialek tersebut, iaitu kehadiran konsonan /h/ di posisi akhir leksikal (Ruslan 2011). Varian ini hanya didapati di mukim Siong dan Bongor sahaja. Mukim Bongor misalnya yang berbukit dan bergunung telah menghalang penyebaran varian ini ke kawasan-kawasan bersebelahan dengannya.

4. Varian [bəloteñ]

Varian ini merupakan salah satu leksikal yang telah diasimilasikan dengan dialek setempat. Varian ini berasal daripada kata /cəloteñ/ dalam dialek Melayu Kelantan. Setelah diasimilasikan dengan /bələmoç/, maka wujudnya varian [bəloteñ] ini. Hal ini disokong oleh Asmah (2008) yang menyatakan bahawa ada penduduk yang mencampuradukkan dialek Melayu Kedah dengan dialek Melayu Patani. Varian ini ditemukan di mukim Siong. Mukim Siong

sangat berdekatan dengan daerah Sik di samping bentuk muka bumi di mukim ini yang bertanah rendah membuka peluang untuk penyebaran varian ini.

5. Varian [kotɔ]

Varian ini merupakan varian yang datang daripada bahasa Melayu standard, iaitu /kotor/. Varian ini digunakan oleh generasi muda berkemungkinan disebabkan oleh faktor bahasa standard yang menggugurkan /r/ di akhir kata. Namun dalam dialek Melayu Kedah, menurut Asmah (2008) konsonan frikitif velar /r/ dihilangkan dalam lingkungan akhir kata mungkin menjadi faktor kepada penggunaan varian ini dalam kalangan generasi tua. Varian ini tersebar ke mukim Siong, Tawar dan Teloi Kanan. Misalnya, mukim Teloi Kanan yang berdekatan dengan hutan telah menghalang penyebaran varian ini ke mukim Kupang. Rumus fonologi dapat dilihat melalui:

1. Rumus pengguguran : r → Ø / ___#
2. Rumus peninggian vokal : o → o / ___#

Input	: /kotor/
Rumus Pengguguran	: koto
Rumus peninggian vokal	: /kotɔ̄
Output	: [kotɔ̄]

6. Varian [kotɔ̄?]

Varian [kotɔ̄?] ini tersenarai dalam dialek Pulau Pinang dalam laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka. Dialek Pulau Pinang merupakan salah satu subdialek di bawah dialek utara ataupun Dialek Kedah. Varian ini menambah hentian glotis /ʔ/ di akhir kata. Varian ini banyak ditemukan di mukim-mukim seperti Siong, Baling, Pulai, Tawar dan Bakai. Keadaan muka bumi yang landai misalnya dalam mukim Baling dan mukim Tawar telah menyebabkan varian [kotɔ̄?] dapat disebarluaskan.

7. Varian [damuh]

Varian ini ditemukan juga dalam dialek Melayu Patani (Ruslan 2011). Varian ini menandakan wujudnya pengaruh dialek Patani di Baling khususnya dalam mukim Siong, Bongor dan Tawar. Kedudukan mukim Siong dan Bongor yang berdekatan dengan sempadan Sik membantu dalam penyebaran leksikal ini dan dalam mukim Bongor juga, bentuk muka bumi yang berbukit dan bergunung telah menghalang leksikal ini menyebar ke mukim-mukim terdekat yang lain.


8. Varian [tʃomo?]

[tʃomo?] merupakan varian yang mempunyai pengaruh dialek Kelantan apabila varian ini tersenarai dalam dialek Melayu Kelantan oleh Asmah (2008). Selain itu, Asmah turut memberikan syarat berkaitan perkataan yang seumpama dengan [tʃomo?]. Syarat tersebut ialah sekiranya dalam bahasa Melayu Standard, konsonan penutup kata merupakan ‘t’ dan ‘p’, maka ‘t’ dan ‘p’ ini digantikan dengan hentian glotis. Varian ini digunakan mukim Siong sahaja.

PEMETAAN PENYEBARAN DAN TABURAN VARIAN LEKSIKAL

PENYEBARAN VARIAN /CANTIK/

Kewujudan varian-varian yang berbagai-bagai bagi leksikal /cantik/ di daerah Baling disebabkan oleh faktor geografi atau faktor bentuk muka bumi yang membantu penyebaran sesuatu varian itu ataupun yang menghalang sesuatu penyebaran varian. Peta penyebaran varian isoglos bagi /cantik/ ditunjukkan seperti dalam Rajah 2 berserta dengan faktor bentuk muka bumi khususnya kehadiran gunung-ganang atau bukit-bukau di sesuatu kawasan tersebut.




RAJAH 2. Peta isoglos /cantik/

Berdasarkan Rajah 2, varian [mole?] telah tersebar daripada mukim Siong yang berada di utara daerah Baling sehingga ke mukim Bakai di selatan daerah Baling. Namun, di bahagian barat daerah Baling yang menempatkan mukim Baling memaparkan penyebaran yang minimum untuk varian-varian selain daripada varian [mole?]. Tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa penyebaran varian [mole?] ini sangat dominan untuk daerah Baling. Hal ini juga membuktikan bahawa daerah Baling mempunyai pengaruh dialek Melayu Patani yang kuat. Mukim Baling yang bersebelahan dengan daerah Kuala Muda menjelaskan sebab varian-varian selain varian [mole?] boleh tersebar. Hal ini kerana daerah Kuala Muda menggunakan dialek Kedah dengan ciri-ciri linguistik asli dialek Kedah. Perkara ini mempengaruhi varian-varian leksikal yang digunakan untuk mewakili /cantik/. Selain tersebar di mukim Baling, varian [lawə] juga hampir tersebar ke mukim Tawar dan mukim Bakai. Hal ini kerana di antara mukim Baling dan mukim Tawar, keadaan bentuk muka bumi yang landai membolehkan varian ini hampir tersebar di mukim Tawar. Begitu juga dengan mukim Bakai yang tidak dikelilingi dengan kawasan tanah tinggi di antara mukim ini

dengan mukim Baling. Faktor ini menyebabkan varian [lawə] hampir tersebar ke mukim Bakai. Selain itu, mukim Bakai juga sudah berdekatan dengan daerah Kulim yang menggunakan dialek asli Kedah sebagai bahasa sehari-hari. Varian yang mewakili leksikal /cantik/ seperti varian [lawa], [sega?], [tsante?], [dʒaŋŋə?] dan [tʃome] yang terdapat di mukim Baling tidak dapat tersebar ke mukim-mukim lain adalah disebabkan faktor muka bumi. Keadaan yang berbukit di mukim Baling menghalang penyebaran varian-varian ini misalnya dengan kehadiran Bukit Puyoh dan Gunung Baling di mukim Baling.

PENYEBARAN VARIAN /COMOT/

Perisian GIS mampu untuk memaparkan bentuk muka bumi yang berada di peta sekali gus mampu membantu pengkaji melakukan analisis. Melalui pemaparan data oleh perisian GIS ini, terbukti bahawa faktor geografi sememangnya memainkan peranan yang penting dalam penyebaran sesuatu dialek itu. Rajah 3 memperlihatkan penyebaran isoglos leksikal /comot/.



RAJAH 3. Peta isoglos /comot/

Seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 3, ternyata bahawa penyebaran varian leksikal bagi /comot/ didominasi oleh varian [bələmoç]. Varian ini tersebar ke seluruh daerah Baling dari utara hingga ke selatan Baling termasuklah di bahagian timurnya. Penyebaran varian ini adalah kerana varian [bələmoç] merupakan varian asli dialek Melayu Kedah menempati seluruh daerah Baling. Hal ini mengesahkan bahawa pengaruh dialek Melayu Kedah kuat di daerah Baling dengan pembuktian varian [bələmoç] digunakan oleh penduduk-penduduk di Baling. Varian-varian lain bagi mewakili /comot/ seperti [bələmuç], [kətə], [kətə?], [damuh], [baləmoh], [baləteŋ] dan [tʃomo?] telah tersebar dalam mukim Siong sahaja. Mukim ini merupakan mukim yang berdekatan dengan daerah Sik. Daerah Sik merupakan daerah yang menerima pengaruh dialek Melayu Patani sama seperti daerah

Baling. Kawasan tanah tinggi di sekitar mukim Siong telah membataskan varian-varian selain [bələmoç] untuk tersebar ke kawasan-kawasan berdekatan dengannya. Buktinya, di mukim Siong terdapat Bukit Tok Gambir, Bukit Perah dan Bukit Siput yang menghalang penyebaran varian-varian selain [bələmoç] ini. Mukim-mukim yang lain misalnya mukim Bongor dan mukim Tawar yang dipisahkan oleh Bukit Tingkat Bongor dan Bukit Dan Gelugor menghalang varian-varian ini tersebar. Apabila mukim Bongor dan mukim Tawar tidak menerima varian-varian selain [bələmoç] ini di kawasan tersebut, maka susah untuk mukim-mukim lain mempunyai varian selain [bələmoç] kerana kedua-dua mukim ini berada di tengah-tengah daerah Baling dan yang menghubungkan utara Baling dengan selatan Baling.

PERBINCANGAN

JADUAL 3. Peratusan varian /cantik/ dan /comot/ di mukim Siong

Varian /cantik/	Peratusan (%)		Varian /comot/	Peratusan (%)	
	Generasi muda	Generasi tua		Generasi muda	Generasi tua
mole?	33	56	koto	43	18
dʒaŋɔ?	33	11	kotɔ?	15	17
lawa	17	22	bəloten̩	14	9
lawɔ	17	0	damuh	14	18
tʃante?	0	11	tʃomo?	14	18
			bələmoç	0	20

Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa wujudnya perbezaan dalam penggunaan bahasa khususnya penggunaan varian bagi kedua-dua leksikal tersebut di antara generasi muda dan generasi tua. Perkara ini dapat dibuktikan dengan penggunaan varian [mole?] yang sangat dominan digunakan oleh generasi tua, iaitu 56% manakala generasi muda sebanyak 33%. Peratusan sebanyak 33% ini juga boleh dilihat menerusi varian [dʒaŋɔ?] dalam kalangan generasi muda berbanding dengan generasi tua, iaitu sebanyak 11%. Varian leksikal bagi /cantik/ ini mendedahkan bahawa di mukim Siong, kedua-dua generasi ini masih mengekalkan dialek Melayu Patani berikutan peratusan yang tinggi untuk varian [mole?] untuk generasi tua dan [mole?], [dʒaŋɔ?] untuk generasi muda. Bagi varian leksikal /comot/ pula, ditemukan bahawa varian [koto] dan [bələmoç] bagi generasi muda dan

generasi tua masing-masing menduduki peratusan yang tertinggi. Namun apabila varian dialek Melayu Patani digabungkan, iaitu varian [bəloten̩], [damuh] dan [tʃomo?] untuk generasi muda, maka terhasilnya peratusan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 57%. Lain pula halnya dengan penggunaan varian dalam generasi muda yang mana varian-varian dialek Melayu Kedah tetap mendominasi peratusan tersebut. Perkara ini membuktikan bahawa di Siong, generasi muda masih mengekalkan dialek Melayu Patani berbanding dengan generasi tua yang sudah beralih dialeknya kepada dialek Melayu Kedah. Antara faktor yang menyebabkan terjadinya fenomena ini ialah kedudukan mukim Siong yang berada di utara daerah Baling dan sangat berdekatan dengan daerah Sik. Daerah Baling, Sik dan Padang Terap dipengaruhi oleh dialek Melayu Patani (Asmah 2008).

JADUAL 4. Peratusan varian /cantik/ dan /comot/ di mukim Bongor

Varian /cantik/	Peratusan (%)		Varian /comot/	Peratusan (%)	
	Generasi muda	Generasi tua		Generasi muda	Generasi tua
lawɔ	100	12	bələmoç	100	25
mole?	0	38	bələmoh	0	25
lawa	0	38	damuh	0	50
dʒaŋɔ?	0	12			

Berdasarkan Jadual 4, varian [lawɔ] telah digunakan oleh responden dalam kalangan generasi muda sebanyak 100%. Berbeza dengan varian [lawɔ] dalam generasi tua yang hanya menunjukkan 12% sahaja. Varian [dʒaŋɔ?] juga mempunyai peratusan yang sama dengan varian [lawɔ] bagi generasi tua. Bagi varian [mole?] dan [lawa] masing-masing memaparkan peratusan sebanyak 38%. Hal ini menggambarkan bahawa sebahagian generasi tua masih mengekalkan dialek Melayu Patani dan sebahagian lagi sudah beralih kepada dialek Melayu Kedah. Sementara itu, generasi muda sudah beralih kepada dialek Melayu Kedah sepenuhnya. Dalam

varian leksikal /comot/ pula, generasi muda hanya menggunakan varian [bələmoç] dan varian ini mendominasi sebanyak 100%. Berbanding dengan generasi tua yang menggunakan varian [bələmoç] ini sebanyak 25% dan selebihnya ditemukan dalam varian [damuh] dan [bələmoh] masing-masing dengan 50% dan 25%. Ringkasnya dapat ditunjukkan di sini bahawa peralihan dialek dalam kalangan generasi muda untuk varian leksikal /comot/ telah berlaku manakala pengekalan dialek masih lagi dipertahankan oleh generasi tua dalam varian leksikal /comot/ ini.

JADUAL 5. Peratusan varian /cantik/ dan /comot/ di mukim Baling

Varian /cantik/	Peratusan (%)		Varian /comot/	Peratusan (%)	
	Generasi muda	Generasi tua		Generasi muda	Generasi tua
mole?	20	25	bələmoç	60	67
lawə	20	25	bələmuç	20	33
lawɔ	20	0	koto?	20	0
sega?	20	0			
tʃante?	20	0			
tʃome	0	50			

Sementara itu, penggunaan varian leksikal bagi /cantik/ dan /comot/ bagi mukim Baling memperlihatkan taburan varian yang seimbang di antara dialek Melayu Patani dan dialek Melayu Kedah. Kewujudan varian [tʃante?] yang digunakan oleh generasi muda membuktikan bahawa peralihan dialek kepada bahasa Melayu Standard sudah berlaku. Perkara ini melibatkan faktor pendidikan yang diterima oleh generasi muda menyebabkan varian [tʃante?] ini turut tersenarai sebagai varian yang dituturkan oleh pengguna bahasa di mukim Baling. Jadual 5 membuktikan bahawa sebahagian besar daripada generasi muda dan tua telah beralih

kepada dialek Kedah. Bukti ini dapat dilihat menerusi varian [lawə], [lawɔ], [sega?] yang masing-masing menunjukkan 20% penggunaan oleh generasi muda manakala 50% untuk varian [tʃome] dan 25% untuk varian [lawə] dalam kalangan generasi tua. Begitu juga dengan leksikal /comot/ yang mengesahkan ketiadaan varian dalam dialek-dialek selain dialek Kedah seperti yang ditunjukkan menerusi varian [bələmoç], [bələmuç] dan [koto?]. Perkara ini membuktikan bahawa peralihan daripada dialek Melayu Patani kepada dialek Melayu Kedah telah berlaku sepenuhnya bagi leksikal /comot/ ini.

JADUAL 6. Peratusan varian /cantik/ dan /comot/ di mukim Pulai

Varian /cantik/	Peratusan (%)		Varian /comot/	Peratusan (%)	
	Generasi muda	Generasi tua		Generasi muda	Generasi tua
lawə	100	0	bələmoç	100	0
lawɔ	0	25	koto?	0	100
sega?	0	25			
tʃome	0	50			

Seterusnya, di mukim Pulai pula menggambarkan tiada varian dialek lain ditemukan bagi leksikal /cantik/ dan /comot/. Varian-varian dialek Melayu Kedah sahaja ditemui di mukim Pulai ini misalnya seperti [lawə], [lawɔ], [sega?], [tʃome], [bələmoç] dan [koto?]. Varian [lawə] telah mendominasi penggunaan generasi muda dengan sebanyak 100% manakala [tʃome] menjadi varian yang dominan dalam generasi tua dengan sebanyak 50%. Varian

[lawɔ] dan [sega?] masing-masing memperlihatkan peratusan sebanyak 25% dalam kalangan generasi tua. Perkara ini menandakan bahawa proses peralihan dialek telah berlaku kepada pengguna-pengguna bahasa di mukim Pulai. Varian [bələmoç] dan varian [koto?] masing-masing menunjukkan 100% penggunaan dalam kalangan generasi muda dan tua bagi variasi leksikal /comot/.

JADUAL 7. Peratusan varian /cantik/ dan /comot/ di mukim Kupang

Varian /cantik/	Peratusan (%)		Varian /comot/	Peratusan (%)	
	Generasi muda	Generasi tua		Generasi muda	Generasi tua
tʃante?	100	0	bələmuç	100	67
mole?	0	50	bələmoç	0	33
lawa	0	25			
sega?	0	25			

Jadual 7 memaparkan bahawa generasi muda menggunakan varian [tʃante?] sebanyak 100%. Perkara ini dilihat melibatkan faktor pendidikan di samping faktor perkembangan teknologi. Faktor pendidikan diperoleh apabila generasi muda belajar dan mendengar daripada percakapan guru manakala faktor perkembangan teknologi didapati semasa menonton televisyen, semasa melayari internet atau semasa menggunakan media sosial. Perkara ini mengesahkan bahawa peralihan dialek telah berlaku daripada dialek Melayu kepada bahasa Melayu Standard. Dalam generasi tua, sebahagian daripadanya masih mengekalkan dialek Melayu

Patani dengan 50% penggunaan varian [mole?] dan sebahagian lain pula sudah beralih kepada dialek Melayu Kedah dengan penggunaan varian [lawa] dan [sega?] masing-masing sebanyak 25%. Dalam variasi leksikal /comot/ memperlihatkan bahawa kedua-dua generasi tidak menggunakan varian daripada dialek Melayu Patani. Hal ini dibuktikan dengan penggunaan sebanyak 100% varian [bələmuç] dalam kalangan generasi muda serta 67% dan 33% masing-masing untuk varian [bələmuç] dan [bələmoç] dalam generasi tua. Perkara ini menggambarkan bahawa peralihan dialek telah berlaku sepenuhnya di mukim Kupang ini.

JADUAL 8. Peratusan varian /cantik/ dan /comot/ di mukim Tawar

Varian /cantik/	Peratusan (%)		Varian /comot/	Peratusan (%)	
	Generasi muda	Generasi tua		Generasi muda	Generasi tua
lawə	67	0	kotə?	80	58
mole?	33	20	bələmoç	20	14
lawa	0	40	bələmuç	0	14
tʃante?	0	40	damuh	0	14

Bagi mukim Tawar, kehadiran varian-varian seperti [mole?], [damuh], [panah] dan [paneñ] menandakan adanya pengaruh dialek Patani. Varian [lawə] merupakan varian yang dominan dalam kalangan generasi muda dengan peratusan sebanyak 67% manakala varian [lawa] dan [tʃante?] masing-masing menunjukkan 40% penggunaan dalam kalangan generasi tua. Peralihan dialek dilihat berlaku di mukim Tawar ini apabila varian [mole?] dalam kedua-dua generasi tidak begitu

dominan sekali. Bukan itu sahaja, variasi leksikal /comot/ memaparkan varian [damuh] menduduki peratusan terendah sekali dalam generasi tua dan tidak ditemukan dalam kalangan generasi muda di mukim Tawar. Kedua-dua generasi memperlihatkan penggunaan tertinggi variasi leksikal /comot/ ini dengan varian [kotə?] masing-masing sebanyak 80% dan 58%. Varian-varian lain yang ditemukan ialah varian [bələmoç] dan [bələmuç].

JADUAL 9. Peratusan varian /cantik/ dan /comot/ di mukim Bakai

Varian /cantik/	Peratusan (%)		Varian /comot/	Peratusan (%)	
	Generasi muda	Generasi tua		Generasi muda	Generasi tua
lawə	50	0	bələmoç	55	40
mole?	33	10	kotə	45	10
lawa	17	50	bələmuç	0	20
sega?	0	40	kotə?	0	30

Berdasarkan Jadual 9, varian [lawə] menunjukkan peratusan yang dominan dalam penggunaan variasi leksikal bagi /cantik/ dengan 50% dalam generasi muda manakala [lawa] telah dipilih menjadi varian utama dalam generasi tua dengan peratusan yang sama, iaitu 50% dalam generasi tua. Peratusan kedua tertinggi dapat dilihat seperti dalam varian [mole?] dengan 33% dalam generasi muda dan varian [sega?] dengan 40% dalam kalangan generasi tua. Hal ini memperlihatkan bahawa kedua-dua generasi ini telah beralih dialek daripada dialek


Melayu Patani kepada dialek Melayu Kedah. Sama juga halnya dengan variasi leksikal /comot/ seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.27 iaitu kedua-dua generasi mempunyai varian [bələmoç] yang tinggi iaitu masing-masing dengan 55% bagi generasi muda dan 40% untuk generasi tua. Baki 45% dalam generasi muda dapat dibuktikan dengan varian [koto] manakala bagi 60% merupakan peratusan kepada varian [koto], [bələmuç] dan [kotə?] masing-masing dengan 10%, 20% dan 30%. Peralihan dialek juga turut boleh dilihat menerusi bukti varian ini.

JADUAL 10. Peratusan varian /cantik/ dan /comot/ di mukim Telo Kanan


Varian /cantik/	Peratusan (%)		Varian /comot/	Peratusan (%)	
	Generasi muda	Generasi tua		Generasi muda	Generasi tua
mole?	100	100	bələmoç	100	0
			koto	45	bələmuç
			bələmuç	0	koto

Jadual 10 memaparkan bahawa variasi leksikal bagi /cantik/ mempunyai pengaruh dialek Melayu Patani dengan penggunaan 100% varian [mole?] oleh kedua-dua generasi. Seterusnya, generasi muda telah memilih untuk menggunakan varian [bələmoç] bagi mewakili /comot/ dengan 100%. Varian [bələmuç]

dan [koto] mempunyai peratusan yang sama banyak, iaitu 50% dalam generasi tua bagi mewakili leksikal /comot/. Perkara ini membuktikan bahawa peralihan dialek berlaku dalam variasi leksikal /comot/ dalam mukim Telo Kanan ini.




RAJAH 4. Peta korplot varian leksikal /cantik/ bagi generasi muda




RAJAH 5. Peta koroplet varian leksikal /cantik/ bagi generasi tua

Selain itu, Rajah 4 dan Rajah 5 memaparkan peta koroplet generasi muda dan generasi tua. Peta koroplet generasi muda menunjukkan terdapat enam varian yang digunakan terdiri daripada [lawo], [moleʔ?], [lawa], [tʃanteʔ?], [dʒaŋɔʔ?] dan [segaʔ?] manakala generasi tua pula menggunakan tujuh varian bagi /cantik/ iaitu [moleʔ?], [lawa], [lawo], [segaʔ?], [tʃanteʔ?], [dʒaŋɔʔ?] dan [tsome]. Varian [lawo] telah mendominasi sebutan /cantik/ bagi generasi muda di daerah Baling merangkumi kesemua mukim yang ada. Berbeza dengan generasi tua yang menggunakan [moleʔ?] sebagai varian utama bagi sebutan /cantik/. Varian [moleʔ?] merupakan varian kedua tertinggi digunakan oleh generasi muda terutamanya di kawasan Siong, Telo Kanan, Bakai dan Tawar. Dalam kalangan generasi tua pula, varian kedua yang mendominasi daerah Baling ialah varian [lawa] yang tersebar ke kawasan tengah sehingga ke selatan daerah Baling. Varian ini tidak ditemukan di kawasan utara daerah Baling. Seterusnya, varian ketiga tertinggi yang didapati dalam kalangan generasi muda ialah

varian [lawa] berbeza dengan varian [lawo] yang mendominasi sebutan /cantik/ dalam kalangan generasi tua. Varian [tʃanteʔ?] dan varian [segaʔ?] masing-masing menduduki tempat keempat yang digunakan oleh penduduk-penduduk daerah Baling. Selanjutnya, varian [dʒaŋɔʔ?] merupakan varian yang kelima paling banyak digunakan oleh generasi muda berbanding varian [tʃanteʔ?] dalam generasi tua. Bukan itu sahaja, varian [segaʔ?] dan [dʒaŋɔʔ?] masing-masing menempati kedudukan keenam tertinggi bagi sebutan /cantik/ dalam kalangan generasi muda dan generasi tua. Selain itu, varian [tsome] hanya didapati dalam kalangan generasi tua sahaja. Dengan kata lain, generasi muda tidak menggunakan varian [tsome] sebagai sebutan bagi /cantik/. Varian [tsome] digunakan di kawasan mukim Baling dan Pulai. Kedua-dua kawasan ini terletak di tengah daerah Baling dan menghala ke selatan daerah Baling. Kawasan selatan Baling merupakan kawasan yang paling hampir dengan daerah Kulim yang menggunakan dialek Kedah asli.



RAJAH 6. Perbandingan peta koroplet varian leksikal /comot/ bagi generasi muda



RAJAH 7. Perbandingan peta koroplet varian leksikal /comot/ bagi generasi muda

Bukan itu sahaja, Rajah 6 dan Rajah 7 pula menunjukkan peta koroplet di antara generasi muda dan generasi tua bagi varian leksikal /comot/. Kedua-dua peta ini memperlihatkan bahawa generasi muda dan generasi tua menggunakan lapan varian, iaitu varian [bələmoç], [koto], [kotɔ?], [bələmoh], [dəmuh], [bələmuç], [bəloteñ] dan [tʃomo?]. Varian [bələmoç] merupakan varian yang mendominasi daerah Baling dalam kalangan generasi muda dan tua. Seterusnya, varian [kotɔ?] pula menjadi varian kedua tertinggi yang ditemukan di daerah Baling dalam generasi muda dan juga generasi tua. Seterusnya, variasi [koto] dan [bəloteñ] masing-masing merupakan varian ketiga yang paling banyak digunakan oleh penduduk-penduduk Baling dalam generasi muda dan generasi tua. Dalam generasi muda, varian [bəloteñ] menduduki posisi keempat varian yang digunakan manakala varian [bələmuç] dalam kalangan generasi tua. Bukan itu sahaja, varian [bələmuç] menjadi varian yang kelima tertinggi digunakan oleh generasi muda di Baling berbeza dengan varian [koto] yang digunakan oleh generasi tua. Selain itu, varian [dəmuh], [bələmoh] dan [tʃomo?] masing-masing menduduki posisi keenam, ketujuh dan kelapan dalam varian yang digunakan oleh generasi muda dan generasi tua. Varian-varian ini berkongsi kedudukan yang sama baik di dalam generasi muda mahupun dalam kalangan generasi tua. Namun, kawasan-kawasan yang menggunakan berbeza seperti yang telah dibincangkan di perbincangan sebelum ini.

Bukan itu sahaja, kajian ini telah membuktikan bahawa wujudnya hubungan di antara dialek-dialek yang terdapat di Baling. Antaranya ialah:

1. Dialek Melayu Patani

Dialek Melayu Patani telah tersebar di seluruh daerah Baling yang bermula di bahagian utaranya iaitu mukim Siong dan Weng, tersebar ke bahagian tengah daerah Baling sehingga ke kawasan selatannya. Namun, kawasan-kawasan di bahagian timur daerah Baling ini tidak menerima pengaruh dialek Patani meskipun bersebelahan dengan daerah Sik yang turut mendapat pengaruh dialek Melayu Patani menurut Asmah (2008). Hal ini kerana faktor gunung dan bukit yang menjadi penghalang kepada penyebaran dialek ini.

2. Dialek Melayu Pulau Pinang

Penduduk-penduduk di Baling turut menerima pengaruh dialek Melayu Pulau Pinang berikutan penemuan varian [lawɔ] dan [kotɔ?] bagi sebutan

/cantik/ dan /comot/ apabila kesemua mukim menggunakan [kotɔ?] untuk /comot/ kecuali mukim Bakai dan Teloi Kanan dan varian [lawɔ] digunakan hampir kesemua mukim kecuali mukim Bakai, Teloi Kanan dan Kupang. Aspek fonologi yang telah dijelaskan oleh Asmah (2008) bagi [lawɔ] manakala [kotɔ?] yang telah ditemukan dalam Glosari Dialek Pulau Pinang.

3. Bahasa Melayu Standard

Kehadiran bahasa standard dalam varian-varian yang ditemukan tidak boleh disangkal berikutan faktor pendidikan di Malaysia seiring dengan kemajuan teknologi. Sebanyak 100% responden remaja atau responden dalam kalangan generasi muda menerima pendidikan formal di sekolah-sekolah. Hal ini menyebabkan kewujudan varian seperti [tʃunte?]. Kajian ini mendapati varian ini bukan sahaja dituturkan oleh generasi muda malahan generasi tua turut menggunakan varian ini berikutan faktor pendidikan misalnya ada responden yang melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat universiti.

KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa wujudnya pengekalan dan peralihan dialek di Baling, Kedah menerusi leksikal /cantik/ dan /comot/. Hasil kajian menemukan di Baling, hampir kesemua mukim mengalami peralihan dialek dalam kalangan generasi muda dan pengekalan dialek dalam kalangan generasi tua. Kesannya, dialek di Baling berkemungkinan boleh pupus sekiranya generasi muda tidak menggunakan dan generasi tua tidak melakukan apa-apa tindakan untuk menghalang daripada fenomena kepupusan dialek ini berlaku. Selain itu, kajian ini juga dapat menghasilkan peta isoglos dan peta koroplet bagi menunjukkan penyebaran dan taburan varian leksikal /cantik/ dan /comot/ dengan mengaplikasikan perisian GIS yang lebih tepat.

RUJUKAN

- Adib Zakwan Al-Qayyum Shahbuddin & Mardian Shah Omar. 2020. Pengekalan kosa kata budaya dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa. *Jurnal Linguistik* 24(1): 81-93.
 Adriana Santa Tinggom, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. 2021. Penyebaran variasi leksikal ‘kapal’ dalam dialek Melayu Siam di Satun, Thailand: analisis Geolinguistik. *International Journal of the Malayu World and Civilization* 9(1): 47-57.

- Aishah Mohamad Kassim. 2021. Pelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda di Singapura. *Jurnal Pengajian Melayu JOMAS* 32(2): 39-56.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 1982. *Language and society in Malaysia*. (Second ed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berawati Renddan, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad & Sharil Nizam Sha'ri. 2020. Domain dan bahasa pilihan tiga generasi etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(7): 96-107.
- Collins, J.T. 1989. *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Creswell, J.W. 2013. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches*. California: Sage Publications Inc.
- David, M.K. 1996. *Language shift among the Sindhis of Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya.
- Departemen Kesehatan Republik Indonesia (Depkes). 2009. *Sistem Kesehatan Nasional*. Jakarta: Kementerian Kesehatan Republik Indonesia.
- Dilah Tuah, Chong Shin, Remmy Gedat & Mohammed Azlan Mis. 2021. Pilihan bahasa dalam kalangan etnik minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: satu penelitian awal. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 21(2): 177-194.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Noriati Muhammad. 2017. Kata soal dalam dialek Perlis. *Jurnal Akademika* 89(2): 139-154.
- Harishon Radzi. 2017. Analisis Geolinguistik leksikal dialek Melayu di Perak menggunakan Sistem Maklumat Geografi. Tesis Dr. Fal, Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Siti Noraini Hamzah, Yusmaniza Mohd. Yusoff & Norlisafina Sanit. 2014. Geo-linguistics study on lexical and phonology dialect variations in North Perak, Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Science* 118: 152-158.
- Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin & Mohammad Fadzeli Jaafar. 2020. Pengekalan dan peralihan dialek Melayu Satun: korelasi antara penggunaan bahasa dengan faktor umur penutur. *Jurnal Linguistik* 24(2): 47-58.
- Hayati Lateh, Mohammad Fadzeli Jaafar & Chong Shin. 2023. Sikap dan persepsi penutur dialek Melayu Satun dalam pengekalan bahasa ibunda. *International Journal of the Malay World and Civilization* 11(1): 77-88.
- Hotma Simanjuntak. 2017. Pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia. 2017. Tesis Dr. Fal, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ismail Dahaman. 1997. *Glosari Dialek Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1973. Malay Dialects in the Malay Peninsula. *Nusantara* 3: 69-79.
- Junaini Kasdan, Harishon Radzi & Julaina Nopiah. 2023. Variants of emotion lexicons, 'marah' (angry) and 'malas' (lazy) in Langkawi Island: a Geo-linguistics analysis. *LINGUA* 18(1): 69-82.
- Kamus Dewan. 2005. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Ashraaf Saari, Nor Hashimah Jalaluddin & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2022. Analisis vokal /a/ di akhir kata dalam dialek Melayu di hilir Pahang. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 22(4): 142-160.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal & Idris Aman. 2011. Pengekalan bahasa dalam kalangan penutur dialek Negeri Sembilan berdasarkan pendekatan dialektologi sosial bandar. *International Seminar "Language Maintenance and Shift"* July 2, hlm. 168-172.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohamed Azlan Mis & Hayati Lateh. 2015. Bahasa sempadan Malaysia-Thailand: pengekalan vs peralihan bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1: 1-9.
- Muhammad Khairuddin Hanizat & Siti Noraini Hamzah. 2023. Pengekalan dan peralihan bahasa di Kuala Selangor: analisis geolinguistik. *Jurnal Wacana Sarjana* 7(4): 1-29.
- Nik Safiah Karim & Rozita Che Rodi. 2016. *Bahasa Melayu Kelantan: "Menggali Ilmu Menyusur Warisan"*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. 2020. Peralihan bahasa dalam kalangan dua generasi Cham Malaysia. *Akademika* 90(2): 75-89.
- Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. 2019. Peralihan bahasa Cham dalam masyarakat Cham di Malaysia: Analisis sosiolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 19(2): 52-69.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2020. Migrasi dan lanskap baharu dialek di Johor. *Akademika* 90(3): 14-161.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah Wan Halim & Khairul Ashraaf Saari. 2021. The continuum of Terengganu dialect along the east coast Malaysia: A geolinguistics study. *Journal of Nusantara Studies* 6(1): 176-198.
- Nor Hisham Omar. 1999. Pemeliharaan dan penyisihan bahasa: kajian bahasa terhadap komuniti minoriti Rajang-Tanjong. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya.
- Rohani Mohd Yusof. 2003. Kuala Kangsar sebagai zon transisi dialek. *Jurnal Bahasa* 3 (4): 588-606.
- Roksana Bibi Abdullah. 2002. Pemilihan dan penggunaan bahasa di kalangan masyarakat Melayu di Singapura. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya.
- Ruslan Uthai. 2011. *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saadiah Maalip. 2014. Pemilihan bahasa: proses peralihan bahasa masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu* 12 (1): 32-43
- Saidatul Normis Mahali, Aishah Tamby Omar & Wong Mee Mee. 2022. Domain dan pemilihan bahasa generasi muda Murut di daerah Keningau, Sabah. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 22(3): 119-138.
- Saparinah Sadli. 1983. *Persepsi Sosial Mengenai Perilaku Menyimpang*. Jakarta: Bulan Bintang.

- Selvajothi @ Pillai Ramalingam. 2017. Peralihan dan pengekalan bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat Tamil di Kuching, Sarawak. Tesis Dr. Fal, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Smolicz, J.J. 1992. Minority languages as core values of ethnic cultures: Study of maintenance and erosion of Polish, Welsh and Chinese languages in Australia Dlm. *Maintenance and loss of minority languages*, disunting oleh Fase, W., Jasper, K., Kroon, S., 277-300. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Siti Nur Izzaty Salit
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
43600 UKM Bangi, Selangor
Emel: snizzaty09@gmail.com
- Harishon Radzi
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
43600 UKM Bangi, Selangor
Emel: naslin@ukm.edu.my
- Siti Noraini Hamzah
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
43600 UKM Bangi, Selangor
Emel: snoraini@ukm.edu.my
- Sharif Putera. 2013. *Kenali Loghat Terengganu*. Kuala Terengganu: Sharif Kreatif.
- Siti Noraini Hamzah. 2017. Penyebaran leksikal dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik. Tesis Dr. Fal, Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2014. Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik* 18(2): 30-46.
- Suhaimi Mohd. Salleh. 2017. Bahasa anugerah bangsa dan etnik. *Berita Harian*, 27 April: 11.
- Tatabahasa Dewan. 2010. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teerarojanarat, S. & Tingsabadh, K. 2011a. A GIS-based approach for dialect boundary studies. *Dialectologia* 6: 55-75.
- Teerarojanarat, S. & Tingsabadh, K. 2011b. Using GIS for linguistic study: A case of dialect change in the northeastern region of Thailand. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 21: 362-371.
- Teo Kok Seong. 2000. *Sosiolinguistik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- WHO. 2016. *WHO Takes a Stand Against Ageism on the International Day of Older Persons*. Geneva: World Health Organization. <http://www.who.int/mediacentre/news/releases/2016/discrimination-ageing-youth/en/> [29 Oktober 2023].
- Yamashita, A. 2011. Gender Difference in the Japanese dialects: The case of Shiga Prefecture. *Dialectologia* 6: 77-94.